



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8891 5555
Fax : 03-8891 5557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

Fail: (45) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.37

Tarih: 21 November 2011

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN RUMAH *HOUSE BUILD* DI KENINGAU, SABAH

KENINGAU, 21 NOVEMBER 2011- Y.B. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyerahkan dua(2) buah rumah yang telah dibaiki pulih kepada pemiliknya pada hari ini.

2. Pembaikan pulih ini adalah di bawah projek *House Build* sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia yang disambut oleh KPKT setiap tahun. Sambutan Hari Habitat Sedunia ini adalah bagi mengingatkan masyarakat dunia akan kepentingan dan tanggungjawab semua pihak dalam memastikan kehidupan dan petempatan yang lebih sempurna dan selesa di masa hadapan.

3. Projek House Build dilaksanakan melalui program tanggungjawab sosial atau Corporate Social Responsibility (CSR) syarikat swasta. Projek ini melibatkan pembaikan dan pembinaan semula rumah penduduk miskin tegar yang terpilih. Projek ini adalah inisiatif KPKT yang dijayakan dengan kerjasama *Habitat for Humanity Malaysia* dan pemaju perumahan. Ia telah dijalankan sejak 3 tahun lalu. Habitat For Humanity juga menyalurkan bantuan tenaga kerja sukarelawan dari seluruh dunia. Setakat ini sukarelawan dari negara Jepun, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Filipina telah terlibat dalam projek ini

3. Bagi Projek House Build di Keningau ini, kos baiki pulih 2 buah rumah disumbangkan oleh Sunway City Berhad, UM Land Berhad dan Bangkok Bangkok (*mewakili Habitat for Humanity*).

4. Selain dari Keningau, projek membaikipulih rumah penduduk miskin tegar juga diadakan di Sandakan, Seremban, Alor Setar, Kelang, Pulau Indah, Kuala Trengganu, Bangi, Sepang, Johor Baharu. Jumlah keseluruhan rumah projek *House Build* ini adalah 15 buah. Sejumlah RM286,534.00 sumbangan dalam bentuk wang tunai, bahan binaan dan tenaga kerja telah diterima dari 11 buah syarikat swasta untuk membaik pulih rumah di Kedah, Terengganu, Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Sabah melibatkan 80 orang isi rumah yang miskin.

Projek ini, walau pun kelihatan ringkas, tetapi ia memerlukan penyelarasan yang teliti kerana ia melibatkan penyaluran dana Kerajaan dan sumbangan pihak swasta kepada NGO, melibatkan pergerakan sukarelawan dari seluruh dunia ke tapak projek yang telah dikenal pasti serta kerja fizikal yang berisiko tinggi.

KPKT selaku *National Focal Point* bagi aktiviti UN-HABITAT di Malaysia juga dilihat memainkan peranan yang penting dan komited di arena antarabangsa kerana menjadi pencetus kepada sektor swasta, badan korporat, NGO, pelajar dan masyarakat untuk berganding bahu bagi meringankan beban golongan miskin tegar di Malaysia melalui model pelaksanaan projek membaik pulih atau membina semula rumah secara bergotong-royong, selaras dengan aspirasi yang ditetapkan oleh UN-HABITAT. Kesedaran yang diberikan melalui program ini secara tidak langsung mewujudkan ikatan yang kukuh di antara agensi dan seterusnya secara tidak langsung, memantapkan sistem penyampaian Kerajaan pada masa hadapan

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my